

Statistik Penguatkuasaan

Seperti yang dinyatakan dalam [Ringkasan Penguatkuasaan](#), kami berusaha untuk mencegah pelanggaran/ketidakpatuhan peraturan yang mungkin berlaku pada masa hadapan, mendidik peserta pasaran dan menyemai budaya pematuhan serta standard tatalaku perniagaan dan amalan tadbir urus korporat yang lebih baik melalui tindakan-tindakan penguatkuasaan yang diambil.

Selaras dengan matlamat tersebut, kami telah sejak beberapa tahun lepas mengambil pelbagai tindakan penguatkuasaan terhadap pelanggaran peraturan-peraturan kami.

Pada tahun 2022, tindakan-tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap 9 buah Syarikat Tersenarai Awam ("PLC"), 3 orang penasihat dan 42 orang pengarah (dari 7 buah PLC) untuk pelbagai pelanggaran Kehendak-kehendak Penyenaraian, berbanding 14 buah PLC, 3 orang penasihat dan 12 orang pengarah (dari 4 buah PLC) pada tahun 2021.

Tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap pihak-pihak tersebut merangkumi teguran peribadi atau teguran awam dan mungkin berserta denda dan/atau arahan. Butiran tindakan-tindakan penguatkuasaan (teguran dan ke atas) yang dilaksanakan/diambil pada tahun 2022 berbanding dengan tahun 2021 adalah seperti yang tertera di bawah:-

Penalti yang dikenakan	PLC		Pengarah		Penasihat	
	2021	2022	2021	2022	2021	2022
Teguran awam dan denda	-	-	7	65	-	-
Teguran awam	6	20	5	10	1	1
Teguran peribadi	8	3	-	-	2	2
Jumlah bilangan PLC/pengarah/ penasihat#	14	9	12	42	3	3
Jumlah denda dikenakan (RM)	-	-	428,400	3,653,000	-	-

lebih daripada satu penalti/jenis penalti mungkin dikenakan terhadap seorang pengarah, PLC atau penasihat.

Selain daripada penalti yang dikenakan di atas, kami juga mengeluarkan arahan kepada PLC untuk menjalankan semakan terhad ke atas laporan suku tahun dan arahan kepada pengarah/kakitangan PLC yang berkenaan untuk menghadiri program latihan berkaitan dengan laporan kewangan dan pematuhan kepada Kehendak-kehendak Penyenaraian seperti berikut:

Jenis Arahan	2021	2022
Semakan terhad ke atas laporan suku tahun	5	1
Program Latihan Pengarah	5	1

Secara amnya, kami mengambil tindakan-tindakan penguatkuasaan terhadap pelanggaran serius/material yang berkaitan dengan:

- laporan kewangan (iaitu kelewatan dalam mengemukakan penyata kewangan dan ketidaktepatan penyata kewangan);
- kelewatan dalam membuat penzahiran maklumat material;
- penzahiran yang tidak tepat, tidak lengkap dan/atau mengelirukan;
- melakukan pelanggaran berulang atau mengabaikan Kehendak-kehendak Penyenaraian/arahan-arahan Bursa Malaysia Securities Berhad;
- tadbir urus korporat dan kehendak-kehendak transaksi pihak yang berkaitan; atau
- pelanggaran Kehendak-kehendak Penyenaraian lain yang memberikan kesan ketara/material

kepada, antara lain, pasaran.

Kami memandang serius terhadap pelanggaran berkaitan dengan laporan kewangan (iaitu keperluan untuk mengemukakan penyata kewangan yang tepat mengikut masa yang ditetapkan) kerana penyata kewangan yang dikemukakan dengan tepat mengikut masa yang ditetapkan adalah sangat penting bagi membantu dalam membuat keputusan pelaburan serta memastikan pasaran yang teratur dan adil bagi sekuriti yang didagangkan di Bursa Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan yang ketara dalam pematuhan oleh PLC dalam memastikan maklumat kewangan dilaporkan mengikut masa yang ditetapkan dan secara tepat berdasarkan penurunan melebihi 50% untuk kesalahan sebegini sejak tahun 2008 (tahun kami mula mengambil tindakan-tindakan penguatkuasaan yang lebih ketat terhadap pengarah).

Bagi pelanggaran Peraturan-peraturan Perniagaan kami, tindakan-tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap syarikat (iaitu Organisasi Peserta, Peserta Dagangan, dsb.) dan Orang Berdaftar atau individu-individu yang tertakluk pada Peraturan-peraturan Perniagaan dan tindakan-tindakan penguatkuasaan utama adalah berkenaan dengan pelanggaran-pelanggaran penyeliaan dan salah laku pasaran/dagangan oleh Orang Berdaftar.

Pada tahun 2022, tindakan-tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap 3 buah syarikat (berbanding 6 buah syarikat pada tahun 2021) dan 6 Orang Berdaftar (berbanding 4 Orang Berdaftar pada tahun 2021) untuk pelbagai pelanggaran Peraturan-peraturan Perniagaan.

Butiran tindakan-tindakan penguatkuasaan (teguran peribadi dan ke atas) yang diambil terhadap pelanggaran Peraturan-peraturan Perniagaan pada tahun 2022 berbanding dengan tahun 2021 adalah seperti berikut:

Jenis tindakan yang diambil #	Bil. Syarikat		Bil. Orang Berdaftar/Individu*		Jumlah	
	2021	2022	2021	2022	2021	2022
Teguran peribadi dan/atau denda dan/atau arahan	6	3	2	-	8	3
Teguran peribadi, denda/denda tertanggung, penggantungan dan/atau latihan wajib	-	-	-	1	-	1
Teguran awam, denda/denda tertanggung, penggantungan/penggantungan tertanggung/pembatalan dari Daftar dan/atau latihan wajib	-	-	2	5	2	5
Jumlah	6	3	4	6	10	9
Jumlah denda dikenakan (RM)	43,500	10,000	178,700	1,098,170	222,200	1,108,170

lebih daripada satu penalti mungkin telah dikenakan terhadap syarikat atau Orang Berdaftar/individu.

* termasuk individu-individu yang tertakluk pada Peraturan-peraturan Perniagaan.

Tindakan-tindakan penguatkuasaan yang diambil pada tahun 2022 termasuk teguran (awam dan peribadi), pembatalan dari Daftar, penggantungan, keperluan untuk menghadiri latihan dan/atau denda berjumlah RM1,108,170 (berbanding RM222,200 pada tahun 2021).

Pada tahun 2022, tindakan-tindakan penguatkuasaan utama yang diambil adalah bagi pelanggaran-pelanggaran berkaitan dengan perdagangan dan pengawasan oleh syarikat, contohnya melakukan kesalahan pasaran yang melibatkan, antara lain, pendulu (front-running), perdagangan silang (cross trading) dan jualan singkat (short selling), penyalahgunaan maklumat sulit/akaun/wang pelanggan, aktiviti-aktiviti perdagangan menggunakan budi bicara yang tidak dibenarkan dan amalan-amalan lain yang luar aturan atau tidak sihat oleh Orang Berdaftar dan kelompok/kelalaian dalam kawalan,

pengawasan dan pemantauan dalaman syarikat terhadap akaun pelanggan yang telah meninggal dunia.

Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk mendidik para peserta pasaran, memaklumkan kepada pasaran mengenai jenis-jenis tindakan yang diambil, menyemai keyakinan pasaran dan memastikan ketelusan dalam tindakan-tindakan penguatkuasaan kami, maklumat mengenai pelanggaran Peraturan-peraturan kami yang biasa berlaku ada dimuat naik di [laman web](#) kami. Bagi tindakan-tindakan yang melibatkan [teguran awam](#), kenyataan media (bersama dengan asas keputusan berkenaan pelanggaran tersebut) turut dikeluarkan.